

25/06/2000

Di sebalik Getek

TAN Sri Megat Junid Megat Ayob tidak lagi menjadi menteri.

Beliau juga kalah dalam pilihan raya umum lalu. Namun, ada sesuatu yang terpendam di dalam sanubarinya mengenai jati diri orang Melayu dan sokongan terhadap kerajaan.

Sebahagiannya diluahkan di dalam buku Getek (bermaksud menyampah, meluat) yang dijual sempena Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini.

Wartawan Berita Minggu, Halmi Samad menemu bual Megat Junid untuk menyingkap rahsia hatinya mengapa beliau menulis Getek.

MENGAPA dan apa tujuan utama Tan Sri menulis buku Getek?

Begini, sebenarnya selepas pilihan raya, saya lihat Umno sudah menjadi parti yang tidak popular walhal Umno adalah wadah perjuangan orang Melayu. Ummolah yang berikan kemerdekaan dan kebebasan kepada orang Melayu. Yang jadikan orang Melayu jutawan dan bijak pandai.

Boleh miliki kapal terbang, pakai motokar besar-besar. Rumah besar, semuanya kerana Umno. Tapi, lepas pilihan raya, Umno seolah-olah sebuah parti yang dibenci.

Perkataan benci dalam bahasa orang Perak ialah Getek. Meluat atau menyampah. Saya buat analisis kenapa hampir 60 atau 70 peratus pegawai kerajaan benci Umno. Dulu, pegawai kerajaan orang kuat kerajaan. Dan, kenapa tentera dan polis benci Umno. Di Teluk Kemang, kita kalah undi pos. Wangsa Maju pun kita kalah. Mengapa 80 peratus guru Melayu benci Umno. Mengapa orang Melayu benci dan tolak Umno dan kenapa orang Umno sudah benci kepada partinya sendiri.

Dalam kawasan saya di Parit, Umno ada 16,000 ahli. Mengapa saya dapat 10,700, ke mana pergi 6,000 lagi. Jawapannya orang Umno sudah benci kepada Umno. Ramli Ngah Talib bertanding di kawasan saya (Pasir Salak). Dulu saya dapat majoriti 17,000, mengapa dia dapat 5,000. Undi beliau hanya 13,000. Ahli Umno di situ 17,000. Kalau semua ahli Umno undi calon Umno, kita akan menang semua kerusi.

Dalam bab akhir Getek, Tan Sri ada tulis mengenai Melayu oh Melayu. Tentu ada maksud yang tersirat, seolah-olah Tan Sri mengeluh dengan sikap sesetengah orang Melayu.

Saya bukan mengeluh, tetapi ada sesuatu yang Melayu harus lakukan. Kenapa PM cakap orang bukan Melayu boleh jadi Perdana Menteri. Sebabnya untuk sedarkan orang Melayu. Mesej itu saya tulis dalam buku saya. Saya jelaskan Perdana Menteri dan kuasa tidak semestinya dipegang orang Melayu.

Orang Melayu cepat lupa sejarah. Pada 13 Mei (1969), Umno tak boleh jadi Menteri Besar di Perak. Kita terpaksa beli seorang ahli PPP, namanya kalau saya tak silap, Shamsuddin untuk tubuhkan kerajaan. Pada 13 Mei di Selangor. Datuk Harun (Idris) tak boleh tubuhkan kerajaan di Selangor kerana kerusi DAP dan Perikatan sama 13-13. Kita jangan lupa apa yang berlaku di Perak dan Selangor, boleh berlaku lagi 10 atau 20 tahun lagi. Fiji menghadapi masalah apabila orang India jadi Perdana Menteri. Kerusi orang Melayu di Parlimen hanya 98, yang lebih orang lain.

Tan Sri menulis Getek disebabkan perasaan kecewa atau ingin sedarkan orang Melayu?

Saya langsung tak kecewa. Saya terima hakikat (sudah tidak jadi menteri). Tapi, saya terpaksa. Itu sebabnya saya berani kutuk perangai menteri. Saya berani hentam Ketua Badan Perhubungan Negeri. Saya terpaksa catat peristiwa penting dalam Getek supaya orang jangan lupa jasa. Kalau tidak kerana saya, selain kuasa Allah, berkorban sayangkan (Tan Sri) Ramli

Ngah Talib, mungkin beliau tidak jadi Menteri Besar. Kalau pentingkan diri saya, lebih baik saya kekalkan Wan Mohamad. Dia sudah tua dan lebih besar peluang saya untuk balik ke Perak.

Pada 1993, waktu Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) lawan Tun Ghafar, Tun Ghafar cukup rapat dengan saya. Tun anggap saya seperti anak. Beliau kahwin, saya jadi saksi. Tapi, kerana perjuangan bangsa, saya fikir adakah Pak Ghafar akan gantikan Dr Mahathir atau seorang yang dinamik seperti Anwar. Saya tak dapat apa-apa. Saya tak dapat tanah. Tiada orang Anwar hantar duit kepada saya. Saya tak dapat projek. Sewaktu (Datuk) Sabbaruddin (Chik) kalah, saya terus cakap kepada PM: "Orang ini terlalu setia kepada Datuk." PM terus lantik dia jadi Setiausaha Agung Umno. Saya cukup setia kalau berkawan.

Saya juga tulis mengenai komunis, al-Arkam dan bagaimana (Datuk Dr) Rais Yatim jumpa saya sewaktu Semangat 46. Ini sebahagian sumbangan saya kepada negara. Jadi, kenapa saya hendak tulis hanya kerana mahu luahkan kekecewaan saya. Orang ramai tak tahu kenapa PM sarankan konsep 'Pandang ke Timur'.

PM balas dendam dan marah apabila orang putih tak datang lawat jenazah Tun Razak. Saya masih ingat, PM sangat marah. Saya mahu pendekatan PM dicontohi oleh pemimpin lain. Saya mahu semua orang Pas, Adil atau DAP baca Getek. Saya tahu mereka baca. Mahfuz (Omar) sampai tunjukkan buku itu kepada saya.

Saya sarankan kepada pemimpin supaya jangan bawa isteri sewaktu lawat kawasan. Ada isteri buat rambut berjam-jam semata-mata mahu ikut suami lawat kawasan. Itu membazir.

Dalam buku Getek, Tan Sri ada cerita mengenai kehidupan susah. Apa kaitannya dengan perjuangan Umno sekarang?

Hidup saya memang susah. Saya ke sekolah tidak pakai kasut. Bapa saya meninggal waktu saya kecil. Emak saya menoreh getah. Adik saya ada tiga orang. Ada sekali pada waktu malam, emak saya tambah air garam dalam gulai masam untuk makan tengah hari. Hidup saya cukup susah. Saya sampai sekarang masih bermimpi dan bermenung memikirkan bagaimana saya boleh naik.

Pertamanya, kerana semangat. Waktu di tingkatan tiga di Sekolah St Anderson (Ipoh), saya sekelas dengan (Datuk Dr Abdullah) Fadzil (Che Wan). Akhirnya, saya lari masuk maktab kerana tak tahan lihat penderitaan emak saya. Lepas menoreh, dia pancing ikan.

Dapat lima atau enam ekor, itulah lauk kami anak beranak. Tapi, kerana semangat, saya naik. Dulu, saya habiskan masa dua jam sehari baca buku untuk lulus Cambridge. Lepas itu, ambil HSC (Higher School Certificate). Saya disiplinkan diri saya. Selepas itu, saya masuk Universiti Malaya. Saya dapat pinjaman RM1,650 setahun. Sungguh perit, tapi saya sangat bersyukur sekarang. Maksud saya supaya orang Umno jangan lupa jasa orang yang susah bantu Umno!

Apakah Tan Sri akan tulis buku kedua?

Saya sedang kumpul bahan untuk tulis buku bertajuk Gayat. Dalam keadaan sekarang, orang Melayu takut jatuh. Tulisan saya selepas ini sama seperti Getek. Ia menghiburkan. Ia seolah-olah seperti Megat Junid sedang bersembang dengan mereka.

Bagaimana kehidupan Tan Sri selepas kalah dalam pilihan raya lalu dan tidak lagi jadi menteri?

Saya terima hakikat era saya dalam politik sudah mula menurun. Saya terima hakikat itu. Saya tidak boleh nikmati atau rasa seronok kerana naik dan terus naik. Saya sudah 25 tahun dalam politik dan saya tidak pernah bermimpi ia akan berlaku.

Pada 1975, saya diminta jadi pegawai khas kepada Perdana Menteri (ketika itu Tun Razak) untuk buat ucapan. Tiba-tiba ditawarkan jadi setiausaha

politik. Kemudian bertanding. Selepas itu saya dilantik timbalan menteri. Saya tidak mimpi jadi timbalan menteri. Akhirnya, saya jadi menteri. Jadi, hidup kita tidak semestinya naik dan terus naik. Apabila sampai masa, kita akan turun.

Adakah Tan Sri kini berada pada zaman menurun dan tidak akan naik lagi?

Saya rasa baiklah beri peluang kepada orang muda. Sungguhpun saya belum tua lagi, tapi ada sebab kita jadi begini. Ini kuasa Allah. Saya pun tidak terlintas untuk keluar dari Pasir Salak, satu kawasan yang sudah saya jaga berbelas tahun. Saya bina dan ia kawasan adik beradik dan saudara mara saya. Saya sendiri tidak termimpi (untuk keluar) sehingga pada saat terakhir saya diberitahu saya diarah bertanding di Parit.

Parit adalah daerah yang sangat unik di Perak. Semangat kedaerahannya cukup kuat. Sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Perak, saya cukup tahu. Mereka dua kali jumpa saya. Mereka kata: "Tolonglah Datuk, jangan hantar orang luar. Siapa saja orang luar bertanding di Parit akan kalah." Waktu itu, saya tidak sangka saya akan dihantar ke Parit. Tapi, saya terima hakikat bahawa satu hari nanti semua pemimpin akan turun.

Tapi, tidak apalah. Sekurang-kurangnya saya masih berpeluang beri nasihat kepada orang dan main golf. Handikap saya sekarang 20. Inilah masa saya berehat. Saya dapat melawak. Masa saya dengan anak-anak, isteri dan cucu, cukup banyak. Isteri saya sekarang cukup runsing kerana saya asyik ada di rumah.